

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PELANCARAN ETV DI DEWAN TUNKU
ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR PADA
19HB JUN, 1972

Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri,¹ Y.B. Menteri Pelajaran,² Y.B. Menteri-menteri, Tuan-tuan Yang Terutama, saudara-saudara sekalian.

Saya amat berbangga kerana dapat bersama-sama pada peristiwa bersejarah ini untuk melancarkan Perkhidmatan ETV atau Pendidikan menerusi TV untuk negara kita.

Saya sendiri menaruh perhatian besar kepada bidang pelajaran dan sentiasa mengikuti perkembangannya. Ini bukan saja oleh kerana saya pernah menjadi Menteri Pelajaran beberapa tahun yang lampau tetapi juga kerana insaf peri mustahaknya pelajaran dan latihan tenaga rakyat dalam pembangunan negara dan untuk membaiki taraf hidup rakyat.

Pelancaran Perkhidmatan ETV hari ini menandakan setapak lagi kemajuan dalam melaksanakan sistem pelajaran kebangsaan. Kalau kita memandang ke belakang, tentu kita masih ingat betapa terhadnya alat-alat pengajaran yang terdapat pada masa itu, terutama sekali di sekolah-sekolah kampung atau di bandar-bandar kecil. Jadi tidak hairanlah kalau rotan dianggap sebagai salah satu alat utama kepada setengah guru-guru.

Syukur Alhamdulillah, sekarang ini keadaan di sekolah-sekolah kita telah jauh berubah. Pelajaran bukan sahaja telah berkembang dengan luasnya menurut sistem yang dipadankan untuk kehendak negara, tetapi juga dengan perkembangan itu terdapat teknik-teknik baharu dalam pengajaran. Walau pun demikian, dengan tututan pelajaran yang semakin meningkat, terdapat pula berbagai-bagai masalah seperti sekolah-sekolah yang penuh sesak, kekurangan guru-guru yang berkelayakan dan sebagainya.

¹ Y.A.B. Tun Dr Ismail bin Dato Abdul Rahman.

² Y.B. Dato Hussein Onn.

Saya berpuas hati bahawa Kementerian Pelajaran berusaha menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapinya dengan ber-sungguh-sungguh dan penuh azam. Dalam menggunakan teknik pengajaran, kita berbangga dengan kejayaan Perkhidmatan Siaran Radio ke Sekolah-sekolah yang telah berjalan lebih dari dua puluh tahun. Pagi ini kita bersama-sama menyaksikan permulaan cara yang termoden di zaman sains dan teknologi iaitu pelancaran Perkhidmatan ETV sebagai alat menyampaikan pengetahuan.

Tidak syak lagi, Perkhidmatan ini, di samping Perkhidmatan Siaran Radio yang ada sekarang ini, akan membawa faedah-faedah pembaharuan ini ke seluruh tanah air hatta terpencil sekalipun dalam bandar dan luar bandar.

Saudara-saudara sekalian,

Perkhidmatan ETV tentulah dapat memainkan peranan utama untuk melaksanakan dengan lebih berkesan kehendak-kehendak Rancangan Malaysia Kedua, khasnya setakat yang mengenai pelajaran dan latihan.

Matlamat-matlamat utama Rancangan Malaysia Kedua mengenai pelajaran dan latihan ialah hendak menyatukan sistem pelajaran bagi mencapai perpaduan negara dan memperluaskan rancangan-rancangan pelajaran dan latihan untuk memenuhi keperluan-keperluan negara mengenai tenaga rakyat.

Untuk mencapai matlamat-matlamat ini adalah mustahak kita memperbaiki mutu pelajaran berasaskan kepada Sains dan Teknologi moden supaya setanding dengan mutu pelajaran negara-negara yang sudah maju.

Saudara-saudara sekalian,

Sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi, Perkhidmatan ETV ini ialah untuk memberi keutamaan bagi memperbaiki terutamanya pengajaran Sains dan Ilmu Hisab dan untuk melengkapkan pengajaran di bilik darjah supaya matlamat-matlamat negara dicapai dengan sepenuhnya.

Oleh itu saya sangat gembira adanya emphasis kepada mata pelajaran Sains dan Ilmu Hisab dalam sistem Pelajaran hari ini. Zaman kita ini melihat kemajuan sains dan teknologi yang amat mengagumkan. Manusia bukan saja menjelajah ruang angkasa

tetapi sudah pun berjaya sampai ke bulan dan bersiar-siar di muka bulan. Kita di Malaysia tentulah tidak mahu ketinggalan dalam perlumbaan ilmu pengetahuan.

Teknologi pelajaran hari ini berubah dengan pesatnya, dan oleh itu amatlah penting bagi Kementerian Pelajaran mengikuti perkembangan ini kerana kalau tidak Sistem Pelajaran kita akan ketinggalan zaman.

Bagaimanapun, bukanlah maksud saya approach cara lama itu tidak mempunyai nilai. Sebenarnya apa yang dimaksudkan ialah supaya kita meneliti segala pembaharuan dan kemajuan teknologi yang terbaharu untuk menolong menyelesaikan berbagai-bagai masalah pelajaran dan meninggi mutunya.

Kita berkehendakkan terutama sekali dalam bidang pelajaran supaya pentadbir-pentadbir, guru-guru dan orang ramai khasnya yang boleh menerima pendapat-pendapat dan fikiran-fikiran baharu, yang berani melaksana pembaharuan dan memberi penilaian secara terus terang untuk mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkan.

Melalui ETV dan dengan teknik-teknik yang lebih maju dari semasa ke semasa. kita akan menjalankan usaha-usaha yang berpanjangan untuk mencari cara-cara baharu dan yang lebih baik supaya dapat mengadakan sistem pelajaran yang sempurna.

Saudara-saudara sekalian,

Kita sama-sama maklum, belia adalah asset atau harta negara yang paling berharga. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab semua pegawai di Kementerian Pelajaran dan juga Guru-guru memastikan supaya peruntukan tahunan untuk pelajaran yang sekian banyak itu dibelanjakan dengan sebaik-baiknya supaya investment di bidang pelajaran menghasilkan keuntungan yang sewajarnya.

Untuk projek ETV ini khasnya, Kerajaan telah menguntukkan wang yang banyak dengan penuh keyakinan bahawa perkhidmatan ini akan meningkatkan pembangunan pelajaran dalam semua jurusan. Oleh itu, mereka yang bertanggungjawab menerbitkan rancangan-rancangan ETV hendaklah memastikan bahawa guru-guru dan murid-murid dapat menggunakannya dengan bijak

dan berkesan. Dengan itu kita dapat menjamin perkhidmatan ini memberikan setinggi-tinggi faedah sambil memenuhi matlamat-matlamat pendidikan negara.

Saya sungguh berbesar hati Projek E T V ini dilaksanakan dalam tempoh segera walaupun banyak kesulitan yang dihadapi untuk menjayakannya. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran, Kementerian Penerangan dan Kementerian Perhubungan kerana adanya semangat dedikasi dan kerjasama yang rapat antara mereka untuk melancarkan Perkhidmatan yang kompleks ini dan dalam masa yang paling singkat.

Saya sudah kerap kali menyatakan mustahaknya kerjasama yang rapat antara Kementerian-kementerian dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan negara. Kerjasama seperti ini amatlah perlu kerana tidak ada satu Kementerian yang boleh berusaha secara sendirian untuk melaksanakan projek-projeknya. Dengan adanya penyelarasan yang cekap, segala masalah dalam melaksanakan projek-projek akan dapat diatasi dengan penuh kejayaan.

Saya akan mengikuti perkembangan E T V ini dengan minat, kerana saya ingin melihat perkhidmatan ini berkembang lebih luas kemudian hari kelak. Rancangan ini hendaklah diluaskan ke Malaysia Timur juga. Besar pula kemungkinan rancangan ini digunakan untuk faedah kelas-kelas kemajuan Masyarakat dan barangkali juga untuk "Universiti Terbuka" pada masa akan datang.

Saudara-saudara sekalian,

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Bank Dunia kerana membantu usaha ini, kepada Kerajaan United Kingdom menerusi "Centre for Educational Development Overseas" kerana memberikan kemudahan kursus-kursus latihan, kepada UNDP kerana memberikan "fellowships" dan rancangan-rancangan latihan, dan badan-badan lain di luar dan di dalam negeri atas sumbangan-sumbangan dan bantuan untuk menjayakan Projek E T V di Malaysia.

Sekarang saya dengan sukacitanya merasmikan Perkhidmatan E T V ini dengan harapan rancangan ini akan memberikan seberapa banyak faedah kepada jenerasi muda di bangku-bangku sekolah hari ini dan di masa akan datang.